



SIARAN MEDIA

KPKT SASAR BAIKPULIH 10,000 UNIT RUMAH DAIF DAN USANG DI BANDAR

LANGKAWI, 22 November 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Tuan Nga Kor Ming, (YB KM) meneruskan siri jelajah Sentuhan Kejayaan KPKT ke Kedah hari ini menerusi Program Kesejahteraan Komuniti anjuran Bahagian Kesejahteraan Komuniti (BSK) dengan kerjasama strategik bersama Majlis Perbandaran Langkawi. Program berlangsung di Auditorium Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Program ini bertujuan meraikan serta mengetengahkan kejayaan pelaksanaan pelbagai inisiatif KPKT yang memberi manfaat langsung kepada komuniti bandar di seluruh negara, selaras dengan **ASPIRASI MADANI** melalui **Teras Kesejahteraan Sosial**.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak **RM115.104 juta** telah diluluskan bagi menjayakan program-program komuniti yang dikawal selia oleh BSK melibatkan pelbagai inisiatif kesejahteraan komuniti di bandar seperti berikut:

1. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) – RM61.8juta

- i. Program Baik Pulih Rumah di Bandar (PBPR) melibatkan 1,902 rumah komuniti miskin bandar yang dibaik pulih – **RM38 juta**
- ii. Program Bina Baharu Rumah di Bandar (PBBR) melibatkan 142 rumah komuniti miskin bandar dibina baharu – **RM12.8 juta**
- iii. Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) melibatkan 29 Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam meningkatkan kemahiran golongan B40 seramai 1,060 peserta – **RM11 juta**

2. Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) – RM2.02 juta

Sebanyak 75 program berjaya dilaksanakan melalui kerjasama 42 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta tiga (3) agensi KPKT iaitu PR1MA, SPNB dan SWCorp bagi mengukuhkan perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti bandar.

3. Program Local Agenda 21 (LA21) – RM980,000.00

Sebanyak 65 program telah dilaksanakan dengan kerjasama 43 PBT sebagai mekanisme penyelarasan pembangunan fizikal dan sosial agar bergerak seiring demi kesejahteraan global

4. Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) – RM304,000.00

Sebanyak 846 program telah dilaksanakan melibatkan 88,050 peserta dalam usaha mendaya komuniti di 19 Program Perumahan Rakyat (PPR) terpilih di seluruh negara, merangkumi lapang kluster utama termasuk keselamatan, kemahiran, infrastruktur, pendidikan dan keusahawanan sosial.

5. Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)- RM50 juta

Sebanyak 413 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) mendapat manfaat melalui peruntukan di bawah Bajet 2025, selaras dengan komitmen Malaysia MADANI yang kepelbagaian dan kebebasan beragama.

YB KM memulakan program dengan meninjau rumah **Puan Che Mah binti Kasim** bertempat di Pekan Lama, Mukim Padang Matsirat yang merupakan penerima manfaat bagi Program Baik Pulih Rumah di Bandar. Rumah beliau mengalami kerosakan bumbung yang serius sebelum menerima peruntukan **RM20,000** daripada KPKT. Penambahbaikan ini telah dapat meningkatkan aspek keselamatan, keselesaan dan kualiti hidup keluarga beliau. YB KM juga berbesar hati untuk menandatangani plak penyempurnaan projek dan turut menyampaikan sumbangan bakul makanan.

Program ini juga menyaksikan **Majlis Penyerahan *Mock Cheque* kepada 17 penerima manfaat Program Baik Pulih Rumah di Bandar, satu (1) Rumah Ibadat Bukan Islam dan tiga (3) NGO** di bawah Program Pemerkasaan Komuniti Bandar. Inisiatif ini membuktikan komitmen KPKT untuk meningkatkan taraf hidup komuniti bandar secara inklusif dan menyeluruh tanpa mengira latar belakang.

Segmen utama Sentuhan Kejayaan KPKT 2025 : Program Kesejahteraan Komuniti pada hari ini ialah **pengumuman pencapaian Sentuhan Kejayaan KPKT** melalui Program Kesejahteraan Komuniti di seluruh negara bagi tahun 2025.

Sebanyak **3,472 Program Kesejahteraan Komuniti** anjuran BSK dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM115.104 juta** berjaya dilaksanakan melalui kerjasama erat PBT, agensi KPKT dan rakan-rakan strategik.

Program yang dilaksanakan turut menunjukkan impak yang ketara. Sebagai contoh, seorang peniaga berumur 47 tahun di Labuan pada asalnya berniaga ayam goreng kunyit di pasar malam Labuan dengan pendapatan RM3,000 sebulan. Selepas menyertai program PEKB selama 6 bulan, peserta tersebut telah berjaya meningkatkan pendapatannya kepada RM9,000 - RM15,000 sebulan mengikut pelbagai karnival jualan makanan bersama rakan-rakan PEKB.

Menurut YB KM, “Pelaksanaan pelbagai program kesejahteraan komuniti di bandar membuktikan bahawa tiada komuniti yang dipinggirkan. Sinergi antara KPKT, PBT dan kerajaan Negeri membuktikan perbezaan tidak menghalang kita untuk melakukan transformasi demi kebaikan rakyat. Sentuhan Kejayaan KPKT ini juga menggambarkan iltizam kami untuk terus memberikan perkhidmatan kelas pertama kepada komuniti di seluruh negara melalui kolaborasi kukuh antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.”

KPKT kekal teguh dalam usaha memastikan kesejahteraan komuniti bandar terus diperkasa dan manfaatnya dirasai rakyat secara langsung di seluruh negara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T